

UUM sumbang RM37,929.13 untuk Tabung Tsunami

UUM 4/2/2005 27:1

ALOR STAR 3 Feb. – Universiti Utara Malaysia (UUM) telah menyumbang sebanyak RM-37, 929.13 kepada Tabung Bencana Tsunami Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang dilancarkan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Shafie Mohd. Salleh pada 30 Disember lalu.

Menurut Pegawai Perhubungan Awam UUM, Suraya Deraman, kutipan itu diperoleh daripada sumbangan seluruh warga universiti tersebut melalui kempen mengutip derma peringkat universiti bermula 29 Disember lalu.

"Kutipan derma tersebut dibuat melalui kempen satu ringgit seorang atau siswa satu ringgit dan program itu mendapat sambutan yang membanggakan," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini, hari ini.

UUM merupakan antara 11 IPT yang turut menyumbang kepada tabung berkenaan dan cek tersebut telah disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik) UUM, Prof. Madya Dr. Abdul Razak Chik kepada Shafie di Bilik Mesyuarat Utama, Kementerian Pengajian Tinggi di Putrajaya semalam.